

Ambil iktibar peristiwa 1987

B.H. 7 NOV 1992

KUALA LUMPUR, ~~Jumaat — Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad kecewa kerana masih ada ahli Umno yang tidak mengambil iktibar sejarah hitam 1987, dengan menjalankan kempen kotor membakar perasaan ahli hingga menyebabkan perpecahan dan bermusuhan sesama sendiri.~~

Presiden Umno itu berkata, kerana ingin merebut kepemimpinan parti, emosi dan wang digunakan. Yang diutamakan bukan kebaikan dan perjuangan parti, tetapi sikap tamak individu.

Dr Mahathir membangkitkan kebimbangannya itu ketika memberi ucapan dasar di Perhimpunan Agung Umno di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) di sini, hari ini.

Dalam ucapan bertema 'Ke Arah Meningkatkan Maruah Bangsa, selama satu jam sepuluh minit itu, Dr Mahathir bertanya: "Apakah kita yang bertungkus-lumus menghidupkan kembali Umno sudah mengambil iktibar daripada peristiwa ini? Saya ingin berkata "Ya", tetapi hakikatnya ialah masih ada yang belum."

Dr Mahathir berkata, surat layang yang mengandungi titah dan butir rahsia parti sudah diedarkan 'sekarang, manakala buku dicetak untuk memburukkan pemimpin tertentu.

Orang tertentu, katanya, mencipta isu yang kemudiannya digunakan oleh pengikut mereka untuk memburukkan usaha baik bagi menjayakan bangsa sendiri, manakala wang masih banyak ditabur untuk mendapat sokongan.

"Untuk pemilihan peringkat cawangan dan bahagian, kempen yang tidak sihat dijalankan. Kemudahan kerajaan kadang-kadang digunakan untuk mendapat sokongan bagi diri sendiri. Lawatan ke luar negara dianjurkan dan dibiayai untuk maksud yang sama," tambahnya.

Merujuk kepada peristiwa 1987, Dr Mahathir berkata, setelah keputusan dibuat, pihak yang ga-

gal tidak mahu menerima keputusan dan mengheret parti ke mahkamah sehingga Umno dihukum haram.

Apabila Umno baru ditubuhkan bagi menggantikan Umno lama, pihak tertentu itu menubuhkan parti serpihan dan bersubahat dengan parti lawan untuk menjatuhkan Umno B a r u .

"Saya mengingatkan bahawa jika kerana terlalu ghairah untuk mendapatkan kedudukan dalam parti, maka kedudukan itu tidak bermakna lagi. Menjadi pemimpin parti yang tidak bermaya tidak ada faedahnya.

"Kita hanya mempunyai satu Presiden parti saja dan satu Perdana Menteri. Walaupun kita mempunyai 100 orang berbakat, cuma satu yang akan mendapat tempat ini. Sembilan puluh sembilan lagi akan gagal.

"Tetapi jika pertandingan untuk matlamat ini terlalu sengit, kejayaan tidak membawa apa-apa erti kerana parti akan pecah dan lemah manakala Presiden mungkin tidak akan menjadi Perdana Menteri berwibawa.

"Orang lain pula yang akan meraih keuntungan daripada ketamakan pemimpin tertentu," katanya.

Presiden Umno berkata, ada ahli parti yang berpendapat jika mereka tidak memperolehi sesuatu, calon lain juga tidak harus memperolehinya.

Golongan itu lebih rela orang asing mendapatnya sebagaimana yang pernah berlaku sebelum ini, iaitu orang terbabit sanggup bekerja dengan parti lawan untuk mengalahkan parti sendiri kerana tidak dapat apa yang mereka kejar.

"Orang seperti ini lebih buruk daripada musuh. Mereka ini mengkhianati perjuangan parti dari dalam. Saya berharap orang jenis ini tidak ada lagi dalam parti," katanya.

Sehubungan itu, Dr Mahathir meminta ahli Umno supaya mengutamakan parti dan bukan

LIHAT MUKA 252

Mahathir kecewa

kempen guna wang

P. Verties UMNO B.H - 7 NOV 1992

DARI MUKA 1

orang tertentu. "Lebih kuat mereka berkempen, terutama jika menggunakan taktik **buruk**, lebih mungkin mereka ini tidak sesuai menjadi **pemimpin**," katanya.

Beliau berkata, **parti** yang dipimpin oleh orang seperti ini tetap akan lemah dan merugikan semua pihak.

Menjelaskan kepada pemberita selepas menyampaikan ucapan dasarnya, Dr **Mahathir** berkata, beliau tidak puas hati dengan tindakan individu **Umno** menggunakan surat layang, membuat tuduhan tidak berasas dan mengguna-

kan **wang** untuk berkempen.

Katanya: "Walaupun keadaan itu tidak berlaku serius, ia mungkin merembak jika tidak dikawal. Perkara buruk selalunya bermula secara kecil-kecilan, lepas itu baru jadi besar."

Ditanya sama ada perbuatan itu dilakukan oleh puak-pualt dalam Umno, Dr Mahathir berkata, Umno tidak mempunyai puak. "Apa yang saya katakan ialah individu yang berbuat demikian untuk diri dia sendiri. Kalau dia buat macam itu pecahlah parti," katanya.